

PERPADUAN ANAK NEGERI SABAH (PAN SABAH)
(NATIVE SOLIDARITY OF SABAH)

P.O. Box 423, 89507 Penampang

Tel No. 013-866 5575

18 Disember 2015

Kenyataan Akhbar: Untuk Kegunaan Segera

Kepada Semua Rakyat Sabah Berbangsa Cina & Sino-Cina, Kamu Adalah Keluarga Kami.

Baru-baru ini Presiden China Xi Jinping dipetik berkata, “*tidak kira dimana pun orang cina berada, China akan sentiasa menjadi rumah ibunda mereka*” apabila merujuk kepada polisi baru mereka yang mengeluarkan “*Overseas Chinese Cards*” untuk orang-orang Cina yang dilahirkan di negara lain, termasuklah mereka yang dilahirkan di Asia Tenggara.

Kepada semua rakyat Sabah berbangsa Cina dan Sino-Cina, kami Anak-Anak Negeri tanah ini, ingin mengesahkan dan mengatakan kepada kamu bahawa kamu adalah keluarga kami. Sementara China adalah rumah ibunda kamu, Sabah juga adalah tanah air kamu.

Ketua Menteri Sarawak berkata sebelum ini bahawa orang-orang Cina Sarawak boleh pergi ke Negara China untuk bercuti tetapi mereka akan kembali ke Sarawak kerana ia adalah rumah mereka. Sesungguhnya, untuk orang-orang Cina dan Sino-Cina di Sabah, Sabah adalah rumah kamu juga!

Kami Anak-Anak Negeri yang merupakan *bumiputra tanah ini* yang sebenar sudah sekian lama mengalu-alukan orang-orang Cina, India, Eropah dan imigran-imigran yang lain – yang masuk secara sah – dengan tangan yang terbuka untuk hidup dengan aman damai di Sabah sebagai sebahagian daripada keluarga kami. Nenek moyang kita telah mengusahakan tanah ini bersama-sama dan kita telah menuai buah-buah daripada usaha kita bersama. Anak-Anak Negeri mempunyai tanah, manakala para imigran mempunyai kepakaran dan sumber kewangan. Kita semua telah membawa anugerah yang berbeza-beza ke atas meja dan dengan cara kita masing-masing telah menyumbang kepada keamanan dan kemajuan negara ini. Oleh itu, tiada siapa-siapa yang mempunyai hak untuk menuntut keunggulan dan penguasaan mutlak ke atas tanah ini. Tiada satu-satu kumpulan yang harus menjadi tuan kepada mana-mana kumpulan yang lain.

Sejarah dunia menjadi saksi bahawa kekuatan, keamanan dan kecantikan kita tidak terletak diatas kesatuan dalam persamaan kita tetapi kesatuan dalam perbezaan kita – lebih banyak kepelbagaian kita, lebih sempurna lah kita. Di antara adik-beradik dalam sesebuah keluarga, ada perbezaan di dalam sifat dan keperibadian masing-masing. Bagaimanapun, kita bersatu atas dasar kasih antara satu sama lain. Kita menghormati perbezaan kita dan memberi ruang bagi setiap satu untuk bertumbuh dan menjadi makmur, dan kita senang melihat kejayaan adik-beradik lelaki dan perempuan kita. Sebagai satu keluarga yang tinggal di tanah ini, kita telah memupuk nilai-nilai bertolak-ansur, harmoni dan

mengasihi. Ini adalah berkat dan kita akan berdiri bersatu dan berjaga-jaga untuk mengekalkan keamanan di rumah kita, Sabah.

Walaupun kami bersifat tolak-ansur, kami tidak akan tunduk diperdayakan dan tidak menerima cubaan-cubaan daripada pihak-pihak tertentu yang ingin menerapkan unsur-unsur tidak bertolak-ansur, fahaman pelampau dan ketidakadilan ke dalam masyarakat kami – khususnya mengenai bangsa dan kebebasan beragama kami. Sabah dari dulu, sekarang dan akan sentiasa menjadi sebuah negara sekular. Ini adalah janji yang telah dipersetujui di dalam Perjanjian Malaysia 1963, semangatnya yang jelas terdapat di dalam rekod-rekod Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan, 1962. Kami tidak pernah lupa.

Kami kecewa dan sedih dengan peningkatan ketegangan perkauman antara pihak-pihak tertentu di Semenanjung Malaysia yang sentiasa disensasikan oleh parti-parti politik tertentu. Dakwaan kumpulan-kumpulan tertentu bahawa diri mereka '*bumiputra*' dan dengan itu menjadi tuan kepada bangsa-bangsa lain adalah sesuatu yang tidak dapat diterima dan ini juga telah mengakibatkan kejadian-kejadian yang sekali sekala membawa kepada keganasan.

Apa yang berlaku baru-baru ini dalam satu tunjuk perasaan anti-Cina yang diadakan di Kuala Lumpur tidak disenangi oleh kami di Sabah. Desakan yang berulang-ulang kepada bangsa Cina di Malaysia untuk '*balik ke China*' sangat memalukan pengisytiharan '*I Malaysia*' dan '*Malaysia Truly Asia*'. Kami tidak mahu budaya ini sampai ke tanah Sabah dan secara terbuka menolak trend ini. Kami berdiri bersama-sama dengan saudara dan saudari bangsa Cina kami dan kami tidak akan membiarkan kenyataan-kenyataan yang berunsur kebencian dan perkauman dilemparkan ke atas mereka. Ancaman kepada kestabilan dan kemajuan Malaysia bukanlah dari luar tetapi dari dalam – iaitu ancaman sifat tidak bertolak-ansur, fahaman pelampau dan ketidakadilan.

Negara kita tidak akan maju sehingga kita benar-benar tahu siapakah kita – identiti kita, warisan kita, sejarah kita. Sebagai orang Sabah, kami mahu menegakkan ketiga-tiga ini. Kami mengecam mana-mana polisi-polisi kerajaan yang mambawa kesan perpecahan kaum dan yang menentukan bangsa dan agama kami untuk tujuan menyenangkan pengumpulan statistik. Kami mengenal pasti diri kami sebagai rakyat Malaysia tetapi kami juga mengakui dan menghargai warisan kami. Kami yang Anak-Anak Negeri tanah ini, tahu siapa diri kami sendiri. Kami yang dari keturunan kahwin campur, menghormati nenek moyang kami, mengakui keturunan kami dan bangga dengan asal usul keturunan kami tidak kira dari mana ia bermula. Kami tahu warisan kami. Tiada siapa pun yang dapat mengambil itu daripada kami. Sabah adalah rumah kami, orang-orang kami adalah keluarga kami. Kami berseru kepada keluarga kami untuk berdiri bersatu dan mengambil tanggungjawab untuk membentuk destini kita sendiri untuk tanah kita!

Kami berasa gembira dengan pembukaan pejabat Konsulat-Jeneral China baru-baru ini di Kota Kinabalu. Dari segi sejarah, perhubungan antara China dan Sabah bermula sejak Dinasti Han. Perkahwinan campur diantara orang-orang kita sudah lama diamalkan. Oleh itu, kami mengalu-alukan kamu dengan sepenuh hati dan berharap dapat menjalinkan perhubungan yang lebih erat dan bekerjasama demi kebaikan bersama orang-orang kita.

Dikeluarkan pada 18th Dis 2015 oleh Perpaduan Anak Negeri Sabah (PAN Sabah).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Esther Golingi

Pengerusi, PAN Sabah

Tel. No: 013-866 6575